

Tanggungjawab dan Liabiliti Pemegang Kad / Ahli Kad Debit-i dan Kad Kredit-i

Sebagai Ahli Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i Bank Islam, anda perlu memahami tanggungjawab dan liabiliti anda untuk menghapuskan atau mengurangkan risiko urus niaga tanpa kebenaran dan penipuan akibat kehilangan, kecurian dan penipuan kad anda.

TANGGUNGJAWAB ANDA ADALAH :

1. Mematuhi Terma dan Syarat penggunaan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i;
2. Mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i serta PIN anda selamat sepanjang masa, termasuk di kediaman anda. Ini termasuklah:
 - i. Tidak mendedahkan butir-butir Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i atau PIN kepada orang lain;
 - ii. Tidak menulis/merekodkan PIN Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i anda, atau apa-apa sahaja yang disimpan di kawasan berdekatan dengan kad anda;
 - iii. Tidak menggunakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, passport, lesen memandu atau nombor telefon anda sebagai PIN;
 - iv. Tidak membenarkan orang lain menggunakan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i dan PIN anda
3. Memaklumkan pihak Bank sebaik sahaja mendapati bahawa kad anda telah hilang/dicuri atau transaksi yang tidak sah telah berlaku atau PIN anda mungkin telah disalah guna dengan menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di +6 03 2690 0900.
4. Menyemak amaran transaksi / Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) dengan segera, serta selalu menyemak baki atau penyata akaun anda. Sekiranya transaksi tidak sah, ralat atau percanggahan dikesan, anda hendaklah melaporkannya kepada pihak Bank dengan segera.
5. Memaklumkan kepada pihak Bank sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat dan amaran transaksi / Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) diterima oleh anda tepat pada masanya. Anda boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di +6 03 2690 0900 atau ke cawangan kami yang berhampiran untuk mengemas kini maklumat anda.
6. Menggunakan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i dengan bertanggungjawab termasuk tidak menggunakannya untuk aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang.
7. Mengesahkan kesahihan mesej yang dihantar oleh pihak Bank dan melaporkan kepada pihak Bank dengan menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di +603 26 900 900 sekiranya mesej tersebut didapati palsu; dan
8. Membaca tips keselamatan atau amaran yang dipaparkan di laman web Bank Islam atau aplikasi BIMB Mobile atau BIMB Web, termasuk kenyataan dasar privasi, sebelum memberikan maklumat sulit kepada pihak Bank atau pihak ketiga.

LIABILITI ANDA DI ATAS TRANSAKSI TANPA KEBENARAN DAN PENIPUAN ADALAH :

1. Anda bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan PIN jika anda telah:
 - i. Bertindak melakukan penipuan;
 - ii. Lewat memaklumkan kepada pihak Bank sebaik sahaja mendapati kehilangan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i atau adanya penggunaan Kad tanpa kebenaran;
 - iii. Mendedahkan butir-butir Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i atau PIN anda kepada orang lain secara sukarela;
 - iv. Menulis / merekodkan PIN Kad anda, atau apa-apa sahaja yang disimpan di kawasan berdekatan Kad.

2. Anda bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran pada transaksi dengan kad yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan tanpa sentuh jika anda telah:
 - i. Bertindak melakukan penipuan;
 - ii. Lewat memaklumkan kepada pihak Bank sebaik sahaja mendapati kehilangan Kad atau adanya penggunaan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i tanpa kebenaran;
 - iii. Meninggalkan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i anda atau apa sahaja yang mengandungi Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i anda dalam keadaan tanpa pengawasan, di tempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; dan
 - iv. Membenarkan orang lain menggunakan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i anda secara sukarela

3. Anda bertanggungjawab ke atas kerugian akibat transaksi penipuan (*fraud*) jika Bank Islam mengesahkan anda :
 - i. Telah bertindak melakukan penipuan;
 - ii. Enggan bekerjasama dengan pihak Bank di dalam siasatan;
 - iii. Telah mendedahkan maklumat perbankan seperti identiti akses (*ID*) serta kata laluan kepada pihak ketiga;
 - iv. Tidak mengambil langkah keselamatan yang munasabah dalam memastikan peranti keselamatan adalah selamat setiap masa; dan
 - v. Tidak melaporkan sebarang kebocoran maklumat perbankan atau kehilangan peranti keselamatan kepada pihak Bank sejurus selepas pelanggan menyedari situasi tersebut.